

Kes lelaki salah guna dadah disebut lanjut 22 Januari

MIRI: Mahkamah Majistret semalam menetapkan 22 Januari ini untuk sebutan lanjut kes seorang lelaki yang menghadapi dua tuduhan menggunakan dadah tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Manakala tertuduh diperintahkan dibebas dengan jaminan RM4,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Danson Jelani, 31, dari Kampung Pasir, Lutong telah didakwa atas dua tuduhan di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta

yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung di dalam Jadual

Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh masing-masing pada jam 10.15 malam, 20 Mac 2022 di Balai Polis Lutong dan jam 12.30 tengah hari, 3 Februari 2023 di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Pendakwaan kes dilakukan ASP Mary Ong hadapan Majistret Sandy Yvette Freddy menerusi aplikasi Zoom, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.